

Suara
ePerolehan





Tangga **kejayaan**
terbaik adalah dengan mendaki
anak tangga **peluang** yang ada.

• aktiviti
januari & februari



Corporate Integrity Pledge membuka peluang baru untuk CDCSB

Pada 14 Februari 2012 bertempat di Istana Hotel, Kuala Lumpur telah berlangsungnya *National Procurement Forum for Public and Private Sector 2012* anjuran *Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG)* dan *Malaysian Institute of Integrity*. Objektif forum ini adalah untuk memberi peluang kepada peserta untuk mengetahui berkenaan peraturan-peraturan yang jelas dan menyeluruh untuk pelaksanaan perolehan awam dan swasta adalah prasyarat asas bagi membendung rasuah dalam kontrak awam.





Bersempena dengan forum ini, Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) telah mengambil inisiatif untuk menandatangani Corporate Integrity Pledge (CIP). Sebagai pihak yang membangun sistem perolehan elektronik, CDCSB berpendapat bahawa ia harus menjadi peneraju dalam menjadikan integriti sebahagian daripada budaya korporat. Menurut Pengerusi Eksekutif, Tuan Syed Azmin Syed Nor, menandatangani CIP adalah mudah memandangkan CDCSB sentiasa mengamalkan integriti dalam urusan perniagaannya. Beliau turut yakin CDCSB akan berjaya melepasi pemeriksaan berterusan yang akan dijalankan oleh badan bebas (merupakan satu ketetapan dalam CIP).

“CDCSB sebagai sebuah entiti korporat yang ingin kekal dalam pasaran sistem perolehan elektronik perlulah berintegriti; tidak kira sama ada di dalam diri sendiri, pemikiran,

urus niaga termasuk juga produk. Dalam konteks ini, sistem ePerolehan merupakan satu sistem yang berintegriti dengan tahap ketelusan yang tinggi dan diterima pakai oleh pihak-pihak terlibat sama ada pembekal atau agensi kerajaan.” Kata beliau selepas menandatangani CIP tersebut.

Antara penceramah-penceramah yang memberi taklimat pada forum berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Pengerusi Akaun Awam, Datuk Seri Azmi Khalid dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed. Presiden MICG, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas, Presiden Transparency International-Malaysia, Datuk Paul Low.

Program Taklimat Pembekal: Miri Dan Sibul



Taklimat Pembekal merupakan aktiviti tetap Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan dengan kerjasama CDCSB. Ia bukan sahaja dijalankan di Semenanjung, malah di Sarawak.

Bandar Miri dan Sibul merupakan lokasi pembuka langkah bagi jelajah taklimat di negeri bumi kenyalang itu. Ia bertujuan untuk meningkatkan jumlah pembekal yang 'eP enabled' di kedua-dua bandar tersebut.

Taklimat pembekal di Miri telah diadakan pada 6 Mac 2012 bertempat di Mega Hotel, Miri. Pengarah Projek Perolehan Elektronik YBhg. Dato' Abd. Shukor bin Ibrahim telah merasmikan taklimat ini. Manakala taklimat di Sibul telah diadakan di Paramount Hotel, Sibul pada 8 Mac 2012 yang dihadiri oleh Timbalan Pengarah Projek Unit ePerolehan, Pn. Nor'Aini Abdul Razak. Taklimat ini adalah usaha berterusan Unit ePerolehan dan CDCSB bagi meningkatkan penyertaan pembekal dalam perolehan Kerajaan.

eP sertai RTC Di Gopeng Perak



Salah satu langkah mempromosi sistem ePerolehan adalah penglibatan sistem ePerolehan pada Karnival Rural Transformation Centre (RTC) atau Pusat Transformasi Luar Bandar. Pada 17 Februari lalu, Unit ePerolehan bersama jabatan dan agensi Kerajaan yang lain telah berganding bahu untuk menjayakan Karnival RTC yang julung-julung kali diadakan di Gopeng, Perak.

Karnival yang dianjurkan sempena pelancaran RTC Gopeng oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 18 Februari lalu berjaya menarik seramai lebih 30,000 orang pengunjung.

Unit ePerolehan yang diletakkan dibawah

payung Kementerian Kewangan dan disokong oleh Commerce Dot Com Sdn Bhd di beri tanggungjawab mengendalikan kios untuk penyebaran maklumat serta memberi khidmat nasihat kepada pengunjung mengenai sistem ePerolehan.

Kajian Benefits Realisation Capture (BRC)

Kajian "Benefits Realisation Capture" (BRC) Fasa 2 sistem ePerolehan telah dilaksanakan dalam dua fasa bermula pada bulan Jun 2011 dan berakhir pada Februari 2012. Objektif utama kajian tersebut adalah mengkaji manfaat yang boleh diperolehi apabila menggunakan sistem ePerolehan. Enam (6) modul utama yang dibuat kajian adalah modul Pendaftaran Pembekal, Pembelian Terus, Sebut Harga, eBidding, Tender serta penggunaan sistem ePerolehan secara luar talian (*Offline*).

Kajian telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan pemahaman yang lebih dalam terhadap impak dan isu-isu berkaitan sistem ePerolehan. Kajian ini juga melihat kepada manfaat yang boleh diperolehi apabila menggunakan sistem ePerolehan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan. Pengguna kerajaan dan pembekal sistem ePerolehan seluruh negara diletakkan di dalam kumpulan fokus dengan mengadakan temu bual telefon bagi menjalankan kajian tersebut.


Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan membuktikan sistem ePerolehan berjaya membawa impak dan kesan positif seperti berikut:

1. Penjimatan dalam kitaran masa bagi membuat pemilihan pembekal.
2. Mengurangkan beban/masa dalam mengesahkan kelayakan pembekal dalam sebut harga dan tender serta ketika berurusan secara pembelian terus.
3. Mengurangkan tekanan dalam menyediakan sebut harga /tender.
4. Mengurangkan kos pentadbiran.
5. Menggalakkan penglibatan pembekal.
6. Mempertingkatkan pengeluaran.
7. Mempermudah pencarian maklumat mengenai pembekal/perolehan.
8. Penjimatan kos dalam pengeluaran produk dan servis.
9. Mempertingkatkan ketelusan.
10. Mempertingkatkan tahap keselamatan dan kerahsiaan.
11. Mempertingkatkan kadar prestasi dan tanggungjawab.
12. Mengukuhkan undang-undang berikutan dasar perolehan.
13. Mempercepatkan PR serta kelulusan LO.
14. Mempercepatkan proses PR dan LO (dengan persetujuan pembekal).
15. Mempercepatkan proses perlepasan LO kepada pembekal.
16. Mempermudah dan mempercepat proses pembayaran.
17. Mempercepatkan proses pembayaran kepada pembekal (dengan persetujuan pembekal).
18. Mempermudah pencarian LO (jika LO tidak berlabel).

Responden pengguna sektor Kerajaan:


Peningkatan Produktiviti

Tender Sebut Harga Pembelian Terus



Masa pusingan keseluruhan yang lebih pantas

Tender Sebut Harga Pembelian Terus




Kesan positif ini dibuktikan dengan graf-graf seperti berikut:

Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender memberi banyak kesan positif kepada pengguna Kerajaan dan pembekal:

Responden pengguna sektor Pembekal:


Membuka peluang perniagaan

Tender Sebut Harga Pembelian Terus




Meningkatkan keselamatan perolehan Kerajaan

Tender Sebut Harga Pembelian Terus



Mengurangkan risiko kehilangan dokumen

Tender Sebut Harga Pembelian Terus





LATIHAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MAY	JUN	JUMLAH
Latihan MHH di INTAN	0	0	0	0	0	0	0
Latihan Hands On Modul Sebut Harga Tender dan eBidding di INTAN	0	2	2	2	0	0	6
Latihan Hands On Modul Kontrak Kementerian di INTAN	0	1	1	2	3	3	10
Latihan Train The Trainers (TTT) Kementerian / INTAN / IPN	3	3	2	3	2	0	13
Latihan Institut Perakaunan Negara (IPN)	0	1	1	1	3	4	10
Latihan Khusus Sistem eP	0	1	0	0	0	0	1
JUMLAH	3	8	6	8	8	7	40

LAPORAN LATIHAN ePEROLEHAN

Februari 2012

Latihan ePerolehan telah dimulakan sejak tahun 2000. Sehingga tahun 2011, Unit ePerolehan dan CDCSB dengan kerjasama INTAN dan Institut Perakaunan Negara (IPN) telah mengadakan latihan bagi modul-modul seperti Kontrak Pusat, Pembelian Terus (CCDP), Sebut Harga, Tender dan eBidding. Bagi tahun 2012, Unit ePerolehan melangkah setapak lagi dalam pelaksanaan latihan ePerolehan iaitu dengan memperkenalkan latihan modul Kontrak Kementerian. Berikut merupakan pelaksanaan latihan ePerolehan sehingga 30 Jun 2012.

Februari 2012

Sebanyak empat (4) sesi latihan telah diadakan kepada pengguna iaitu sebanyak tiga (3) sesi di INTAN dan satu (1) sesi di Akademi Audit Negara. Perincian adalah seperti butiran berikut:

TARIKH LATIHAN	LOKASI LATIHAN	MODUL LATIHAN	BILANGAN PESERTA
15-17 Februari 2012	INTAN Bukit Kiara	Sebut Harga, Tender dan eBidding	26 Orang
22-24 Februari 2012	INTAN Bukit Kiara	Kontrak Kementerian	25 Orang
27-29 Februari 2012	INTAN Utara	Sebut Harga, Tender dan eBidding	25 Orang
27-29 Februari 2012	Akademi Audit Negara	i) Kontrak Pusat dan Pembelian Terus ii) Sebut Harga, Tender dan eBidding iii) Kontrak Kementerian	27 Orang



Arahan mudah dipatuhi,
tetapi **inspirasi**
menjanjikan **kejayaan.**



A close-up photograph of several ants on a light-colored, textured surface. One ant is in sharp focus in the foreground, while others are blurred in the background. A semi-transparent yellow geometric shape is overlaid on the bottom right of the image.

Suara
ePerolehan



Pertandingan Ping Pong Unit ePerolehan-CDCSB

Pertandingan ini diadakan bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak ke arah mengukuhkan jalinan 'smart partnership'. Salah satu inisiatif yang diambil adalah dengan mengadakan pertandingan ping-pong antara pegawai Unit ePerolehan dan CDCSB bagi merebut Piala Pusingan Dato' Abd. Shukor Ibrahim pada 19 Januari 2012 yang lalu.



Perlawanan PING PONG PERSAHABATAN



Tahniah diucapkan kepada Pasukan Unit ePerolehan yang telah menjuarai pertandingan ini dengan skor sebanyak 7 – 0. YBhg. Dato' Abd. Shukor melahirkan rasa puas hati dengan menitipkan kata-kata perangsang, "Sungguhpun kami menang besar, tapi itu bukanlah kayu pengukur sebenar menilai kejohanan ini."

Hadiah dan piala pusingan telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, Pn. Nor'Aini Binti Abdul Razak dalam satu upacara ringkas selepas pertandingan.





PERTANDINGAN BOWLING Unit ePerolehan-CDCSB

Walaupun berjaya mengalahkan Unit ePerolehan dalam pertandingan tahun lepas, namun CDCSB tetap membuat persediaan rapi untuk menghadapi ancaman skuad Unit ePerolehan dalam Pertandingan Bowling Tahunan Unit ePerolehan-CDCSB di ARL Power Bowl di Alamanda, Putrajaya pada 24 Februari lalu. Tentangan cuba diberikan oleh Unit ePerolehan kepada CDCSB dalam usaha untuk merebut kejuaraan tahun ini namun akhirnya Unit ePerolehan terpaksa akur dengan kemenangan CDCSB sekali lagi. Unit ePerolehan diketuai sendiri oleh YBhg. Dato' Abd. Shukor bin Ibrahim, Pengarah Projek Perolehan Elektronik. Sementara Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, Pn. Nor'Aini Abdul Razak juga turut hadir dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.



Kumpulan 'Roses and Thorns' dari CDCSB telah berjaya merangkul gelaran johan dengan jumlah keseluruhan jatuhan pin sebanyak 1,381. Pemenang telah menerima trofi dan set pembesar suara komputer setiap seorang hasil sumbangan dari Synergycentric Sdn Bhd. Kemenangan kumpulan 'Roses and Thorns' diikuti dengan kejayaan kumpulan 'Wonder Pets' dari Unit eP muncul sebagai naib johan dengan jumlah jatuhan pin sebanyak 1,377. Diikuti rapat dengan perbezaan sebanyak 17 jatuhan pin ialah kumpulan Unit Teknologi yang menduduki tempat ketiga.



Manakala, bagi kategori perseorangan lelaki, Mohd Fathi dari CDCSB telah dinobatkan sebagai juara dengan 419 jatuhan pin. Manakala, dengan perbezaan 6 pin, Azizul Ariffin Amir Hashim dari kumpulan 'Samseng Kampung' juga dari CDCSB merangkul naib juara diikuti dengan Mohd Ridzuan Abd Khalil dari Unit ePerolehan di tempat ketiga.

Sementara itu, dalam kategori perseorangan wanita, pasukan CDCSB berjaya membolot lima kedudukan teratas yang didahului oleh johan, Che Wan Nazatusyima dari kumpulan 'Hybrids' dengan 408 jatuhan pin, manakala naib johan kepada Nor Haryantie Ibrahim dengan 335 jatuhan pin. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Azleen Din dari kumpulan 'Roses and Thorns' dengan 312 jatuhan pin.

Adat pertandingan ada kalah dan menang. Namun, perlawanan persahabatan ini telah mencapai matlamat utamanya iaitu bekerja kuat dalam satu pasukan seterusnya mengukuhkan lagi hubungan harmoni di antara Unit ePerolehan dan CDCSB. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pemenang.



Langkah-langkah mencegah Obesiti dan Tekanan Darah Tinggi /Hipertensi

Sumber: <http://www.allabthealth.com>

Hipertensi sering kali dikaitkan dengan peningkatan umur dan kemerosotan kesihatan badan. Kemerosotan kesihatan badan lebih dikaitkan dengan hipertensi yang mendorong kepada tekanan darah tinggi. Tekanan darah di tahap normal adalah 120/80 milimeter (mm) merkuri (Hg), bacaan yang paling sempurna untuk tekanan sistolik dan distolik.

Tekanan sistolik adalah jumlah tekanan yang disalurkan sewaktu darah dipam keluar jantung manakala tekanan distolik merupakan tekanan semasa jantung berehat di antara pengepaman. Sekiranya melepasi tahap bacaan 120/80 mm Hg, berkemungkinan besar anda menghadapi hipertensi. Perkara ini perlu diambil perhatian serius terutama apabila umur anda belum mencapai kategori umur pesakit hipertensi.



Tekanan darah tinggi boleh terjadi apabila dinding saluran arteri mengeras akibat daripada mendakan plak dan lemak. Hal ini juga boleh menyebabkan kerosakan dan pembengkakan dinding kapilari darah yang menyempitkan aliran darah. Pengumpulan lemak dan pengaliran darah yang lambat mengganggu kelancaran sel-sel badan untuk menerima insulin. Tambahan pula, individu yang mempunyai obesiti akan menghasilkan jumlah insulin yang besar yang boleh mendorong kepada tahap tekanan darah tinggi yang melampau

Salah satu penyebab utama hipertensi pra-matang ialah obesiti atau berat badan berlebihan. Obesiti kini dianggap sebagai satu penyakit dan terjadi apabila berlaku pengumpulan tisu-tisu lemak yang berlebihan. Obesiti boleh mengganggu dan mencederakan organ-organ dalaman badan yang boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius. Selain daripada mengehadkan kegiatan fizikal dan sosial, jangka hayat penghidapnya juga semakin pendek.

Hipertensi yang berpunca daripada obesiti bergantung kepada tahap lemak dan kolesterol dalam badan. Penyakit obesiti lebih senang untuk dikenal pasti kerana melibatkan keadaan fizikal individu. Keadaan sebaliknya bagi hipertensi, namun dari gejala-gejala yang ada boleh membantu mengenal pasti penghidapnya di antaranya mengalami rasa mual atau loya, sakit

kepala dan sakit dada. Individu yang mengalami gejala tersebut perlu menjalani pemeriksaan kesihatan. Kebiasaannya doktor akan melakukan tiga ujian tekanan darah. Sekiranya keputusan ujian menunjukkan tahap tekanan yang tinggi, anda mungkin menghidap hipertensi. Sama ada hipertensi berada pada tahap kronik atau tidak, t e r d a p a t l a n g k a h - l a n g k a h pencegahan atau

pengurangan yang boleh dipraktikkan.

Penukaran gaya hidup merupakan kunci utama bagi pesakit hipertensi yang juga mengalami obesiti. Pencegahan penyakit hipertensi ini juga bermakna mencegah penyakit-penyakit lain yang memudaratkan kesihatan. Jadi adalah penting untuk menguatkan mental bagi mengatasi obesiti dan hipertensi.

Langkah-langkah pencegahan yang perlu di ambil adalah seperti berikut:

- Melakukan aktiviti bersenam untuk membakar lemak dan menurunkan berat badan;
- Menyusun program diet dan mengurangkan penggunaan garam dalam pemakanan;
- Kurang pengambilan gula, minuman alkohol, kafein dan nikotin; dan
- Jauhkan diri daripada persekitaran yang memberi tekanan.

Pengawalan hipertensi juga boleh dibuat melalui pengambilan ubat yang dipreskripsi oleh doktor. Cara mencegah obesiti tidak menyerupai cara mencegah hipertensi. Kebiasaannya doktor akan memberi dua preskripsi yang berbeza kerana ubat lebih berkesan untuk mengatasi hipertensi manakala aktiviti fizikal lebih berkesan untuk mengatasi penyakit obesiti.

Bagi sesetengah pesakit, doktor akan memberi preskripsi ubat anti-hipertensi bagi mengurangkan tekanan darah tinggi. Ubat yang biasa digunakan ialah diuretik yang boleh menurunkan tekanan darah terutama dengan cara mengurangkan kandungan garam dan air dalam badan. Sekiranya diperlukan, doktor juga akan memberi ubat yang boleh membantu mengurangkan tekanan darah daripada jantung. Untuk mendapat keputusan yang memberangsangkan, ianya terletak pada diri penghidap penyakit hipertensi atau obesiti itu sendiri. Ia memerlukan kesabaran yang tinggi kerana tempoh yang panjang untuk memulihkan diri. Penyakit ini mesti dilawan untuk mengelakkan serangan jantung dan kerosakkan buah pinggang.

